

SOALAN LAZIM (FAQ)

SYARAT KELAYAKAN BANTUAN KEWANGAN GERAN KHAS PERIHATIN SEBANYAK RM1,000 KEPADA PENGUSAHA SPA DAN PUSAT URUTAN KAKI (PUK) BAWAH MOTAC

1. Siapakah yang layak memohon Bantuan Kewangan Geran Khas Prihatin Sebanyak RM1,000 Kepada Pengusaha Spa dan Pusat Urutan Kaki (PUK)?
Semua premis Spa atau PUK yang merupakan ahli persatuan AMSPA atau MAWSWA yang diiktiraf oleh MOTAC.

2. Adakah semua premis yang telah diberikan penggredan oleh MOTAC layak memohon?
Tidak. Hanya Spa dan PUK yang mempunyai Sijil Penggredan yang masih sah selepas 1 Januari 2020 sahaja yang layak memohon.

3. Adakah premis yang berpersatuan di bawah **SELAIN** AMSPA/MAWSWA layak memohon?
Tidak. Hanya premis di bawah persatuan AMSPA/MAWSWA sahaja yang layak memohon. Ini kerana kedua-dua persatuan berkenaan telah diiktiraf di bawah MOTAC.

4. Adakah premis yang telah tamat tempoh lesen operasi perniagaan layak memohon?
Tidak. Hanya premis yang mempunyai lesen sah yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan masing-masing sahaja layak memohon. Premis yang telah tamat tempoh lesen hendaklah memperbaharui lesen sebelum memohon.

5. Adakah cawangan Spa dan PUK layak memohon bantuan kewangan ini?
Bantuan Kewangan Geran Khas Prihatin sebanyak Rm1,000 Kepada Pengusaha Spa Dan Pusat Urutan Kaki hanya kepada syarikat induk sahaja.

6. Adakah syarikat boleh mengemukakan permohonan rayuan kepada MOTAC sekiranya permohonan tidak diluluskan?

Tidak. Hanya premis yang memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan sahaja yang layak menerima bantuan kewangan ini. Keputusan adalah muktamad dan rayuan tidak akan dipertimbangkan.

7. Bagaimanakah pengusaha Spa dan PUK boleh mendapat maklumat lanjut mengenai bantuan bayaran ini?

Makluman berkenaan bayaran bantuan ini akan diumumkan dari semasa ke semasa di laman sesawang www.motac.gov.my.

8. Di manakah pemohon perlu mengemukakan permohonan ini?

Pemohon yang layak perlu mengemukakan permohonan berserta dokumen sokongan secara atas talian kepada Pejabat MOTAC Negeri berkenaan .